

Kemunculan Pemerintahan Tempatan

Sarawak

Kepimpinan Kesukuan

- Diamalkan di kawasan pedalaman.
- Setiap suku kaum mempunyai pemimpinnya sendiri dan bebas daripada kawalan dan pengaruh luar.
- Gelarannya berbeza mengikut kaum.

Iban - Tuai Rumah

Kayan - Kelunan Maren / Hipun Uma

Kenyah - Peran Lepo

Kelabit - Laih Rayeh

Kepimpinan Lembah Sungai

- Kaum Melayu di pesisir pantai dan lembah sungai menerima pengaruh daripada kerajaan di Alam Melayu.
- Terdapat dua bentuk pemerintahan, iaitu wakil raja dan kerajaan.

- Wakil Raja

Kaum Melayu yang menetap di pesisir pantai Sarawak dipengaruhi oleh kerajaan Srivijaya, Brunei, dan Majapahit. Kerajaan Sawaktu di Santubong, Samadong di Sungai Samarahan, dan Kalka di Kuala Sungai Krian membentuk kerajaan sendiri dengan menggelar raja mereka sebagai **Datu**, **Datuk Abang**, dan **Dayang**. Kesultanan Melayu Brunei mengekalkan sistem pemerintahan kerajaan Melayu di Sarawak kecuali kaum Dayak yang diberi gelaran **Orang Kaya**.

- Kerajaan

Kerajaan-kerajaan di lembah sungai muncul sejak abad ke-7 seperti Sawaku, Samadong, Kalka, Saribas, dan Melano yang menjalin hubungan dengan kerajaan luar.



Bukti kewujudan kerajaan Sawaku

Kerajaan	Huraian
Sawaku	• Wujud pada abad ketujuh. • Diasaskan oleh Datu Merpati. • Lokasi di Santubong dan sekitar Sungai Sarawak.
Samadong	• Muncul pada abad ketujuh. • Lokasi di Samarahan dan Sadong.
Kalka	• Lokasi di Kuala Sungai Kalka. • Diasaskan oleh Dayang Hubu dan Dayang Ruku.
Melano	• Diasaskan oleh Tugau. • Lokasi di Sungai Retus. • Muncul pada abad ke-11.
Saribas	• Muncul pada abad ke-15. • Lokasi di Sungai Saribas dan Sungai Rimbas. • Diasaskan oleh Pengiran Temenggung Abdul Kadir. • Pusat kerajaan di Tandang Sari Muara Sungai Rimbas.

Sabah


Kepimpinan Kesukuan

- 1 Diamalkan oleh masyarakat pedalaman seperti Kadazandusun, Murut, dan Orang Sungai.
- 2 Kepimpinan yang tersusun dan bebas daripada kawalan mana-mana kuasa luar.
- 3 Ketua kaum Kadazandusun dan Murut dikenali sebagai Orang Tua.
- 4 Bobohizan / Bobolian bagi kaum Kadazandusun dan Babalian bagi kaum Murut mengurus soal adat dan pantang larang.

Kepimpinan Lembah Sungai

- Terdapat dua bentuk pemerintahan, iaitu wakil raja (Brunei dan Sulu) dan ketua bebas.
 - **Wakil Raja**
 - Pengaruh daripada Kesultanan Brunei dan Sulu di Sabah menerusi pelantikan wakil raja.
 - Wakil raja berkuasa dalam aspek kehakiman, menjaga keamanan dan kebajikan, serta mengutip cukai daripada penduduk dan kegiatan perdagangan.
 - **Ketua Bebas**
 - Ketua bebas mentadbir wilayah di muara sungai dan menjalankan undang-undang sendiri.
 - Biasanya mempunyai pertalian dengan keluarga diraja sama ada dari Brunei, Sulu atau keturunan Arab Syarif.

Ketua bebas	Kawasan
Syarif Osman	Marudu
Datu Kurunding	Tungku



Pemerintahan tempatan di Sabah